

# TAHAP KESEDIAAN PELAJAR DIPLOMA UKUR TANAH , POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYAH SEMASA MENJALANI LATIHAN INDUSTRI

I'ZZATUL Fadzilah Adam<sup>1,a</sup>, NORUL Huda Samsudin<sup>2,b</sup>,  
Nurul Ashikin Rahmad<sup>3,c</sup>

<sup>1,2</sup>Jabatan Kejuruteraan Awam  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah  
Kulim Kedah

<sup>a</sup>[izzatul.poli@1govuc.gov.my](mailto:izzatul.poli@1govuc.gov.my), <sup>b</sup>[norul.poli@1govuc.gov.my](mailto:norul.poli@1govuc.gov.my), <sup>c</sup>[ashikin.poli@1govuc.gov.my](mailto:ashikin.poli@1govuc.gov.my)

**Abstrak.** Kajian ini akan meninjau tahap kesediaan pelajar Diploma Ukur Tanah (DUT), Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Kedah semasa menjalani latihan industri (LI). Kajian ini akan mengkaji dapatan daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada pelajar semester 4, 5 dan 6 pada sesi Disember 2013 di mana pelajar ini telah tamat menjalani latihan industri pada tiga sesi berturut-turut iaitu sesi Disember 2013, Jun 2013 dan Disember 2012. Aspek kajian terdiri daripada tahap pengetahuan, komunikasi dan juga sikap. Sampel kajian ini adalah pelajar yang telah tamat menjalani latihan industri bagi program DUT pada ketiga-tiga semester yang terlibat iaitu seramai 109 orang pelajar. Data yang telah diperolehi melalui soal selidik dianalisis menggunakan Microsoft Excel 2007. Taburan skor min telah digunakan bagi menentukan tahap kesediaan pelajar DUT menjalani latihan industri dari aspek yang dinilai. Keputusan analisa skor min menunjukkan semua aspek yang dinilai berada dalam tahap yang tinggi dengan min skor 4.12. Kesediaan pelajar dari aspek dan komunikasi sikap berada pada tahap tinggi dengan min skor 4.07 dan 4.19 manakala kesediaan dari aspek pengetahuan juga berada pada tahap tinggi dengan mencatat min skor 4.09. Walaupun ketiga-tiga aspek tersebut berada pada skor min yang tinggi, namun ianya perlulah sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa dalam melahirkan graduan yang berintelektual dan bersahsiah baik.

**Kata kunci :** Kesediaan, Ukur Tanah, Latihan Industri

## 1.0 Pengenalan

Latihan Industri (LI) adalah merupakan salah satu komponen utama dalam ko-kurikulum pembelajaran di Politeknik Malaysia. Setiap pelajar adalah diwajibkan untuk menjalani latihan industri samada di sektor kerajaan atau swasta dan wajib lulus sebelum dianugerahkan Diploma Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khasnya Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) berusaha untuk mencapai objektif dan keperluan akademik sesuatu program latihan. Di antara objektif latihan industri ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan dan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai persekitaran pekerjaan sebenar [1].

Selain itu, pelajar akan menggunakan kemahiran komunikasi yang sedia ada dalam diri mereka serta mengamalkan kemahiran sosial dalam kerja berpasukan. Suatu pengalaman yang baru bagi seseorang pelajar yang sedang mengikuti latihan industri apabila perlu mematuhi polisi dan peraturan serta etika professional di tempat kerja yang akan melengkapkan pelajar dengan pengalaman kerja yang sebenar.

Melalui Program Latihan Industri, ia membuka ruang dan peluang dengan menyiapkan pelajar dengan peluang pertama mereka kepada alam pekerjaan yang sebenar. Kesenambungan itu, secara tidak langsung pelajar boleh meningkatkan kemahiran “employability” dalam diri mereka. Kemahiran “employability” adalah merupakan aspek kemahiran yang amat penting untuk pelajar dan menjadi tanggungjawab institusi-institusi pengajian tinggi bagi melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing serta memenuhi keperluan pasaran [2].

Walaupun bagaimanapun, terdapat pelbagai cabaran dalam mencapai objektif sebenar LI seperti yang telah digariskan melalui [3]. Bagi membolehkan pelajar menjalani LI tanpa sebarang masalah yang berhubung dengan kemahiran dan sikap mereka. Oleh itu, sewajarnya pihak institusi sentiasa mengikuti perkembangan dan keperluan kemahiran pelajar sebelum menjalani LI bagi membolehkan mereka bersedia menjalani LI mengikut kehendak institusi dan industri.

### **1.1 Penyataan Masalah**

Semua pelajar Diploma Ukur Tanah adalah tidak terkecuali diwajibkan mengikuti LI selama 6 bulan atau paling kurang 22 minggu pada semester 4 pengajian sebelum dianugerahkan Diploma Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia. Secara tidak langsung, prestasi pelajar akan dinilai oleh majikan, pensyarah mentor dan juga pensyarah penilai. Setiap majikan akan menyerahkan borang maklum balas berkaitan prestasi pelajar melalui ‘Borang Penilaian Pelajar’ sebaik sahaja pelajar tamat menjalani LI. Sehubungan itu, antara maklumbalas berkaitan prestasi pelajar yang diterima daripada pihak majikan oleh Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) adalah berkaitan dengan masalah kehadiran, disiplin, kemahiran komunikasi dan kurang pengetahuan dalam bidang latihan.

Oleh demikian, adalah wajar untuk pihak pengurusan khususnya UPLI mengkaji permasalahan yang timbul terutamanya dari aspek pengetahuan pelajar dan sikap supaya akan adanya langkah-langkah penambahbaikan yang wajar dilaksanakan untuk memperbaiki tahap kesediaan pelajar untuk menjalani LI dan secara tidak langsung boleh meningkatkan kebolehpasaran pelajar DUT selepas tamat pengajian kelak.

### **1.2 Objektif kajian**

Secara keseluruhannya kajian ini dibuat adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Pensyarah dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar ketika sedang menjalani LI
- ii. Untuk mengenalpasti pelajar mempunyai cukup persediaan semasa menjalani LI

### **1.3 Kepentingan kajian**

Dapatan kajian ini sewajarnya dapat membantu pihak-pihak tertentu seperti Pensyarah Softskill, Pensyarah Kursus, Penasihat Akademik seterusnya Unit Perhubungan dan Latihan Industri

(UPLI) untuk mengenalpasti tahap kesediaan pelajar Diploma Ukur Tanah ketika menjalani latihan industri daripada aspek yang dinilai. Dengan mengenalpasti tahap kesediaan para pelajar tersebut ia boleh membantu pihak terbabit dalam mengatur rancangan penambahbaikan dan bimbingan khusus demi mempertingkatkan kualiti pelajar sepanjang tempoh latihan yang dijalani oleh pelajar walau di mana-mana firma sekalipun.

#### **1.4 Skop Kajian**

Kajian ini adalah merupakan satu kajian tinjauan bagi menilai tahap kesediaan pelajar semasa menjalani latihan industri. Tinjauan ini hanya tertumpu kepada pelajar Diploma Ukur Tanah Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Sampel kajian hanya tertumpu kepada pelajar yang telah menjalani latihan industri tiga semester terkini iaitu Disember 2013 (30 orang), Jun 2013 (15 orang) dan Disember 2012 (64 orang).

#### **2.0 Kajian Literatur**

LI adalah merupakan satu tempoh yang amat penting bagi seseorang pelajar Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam tempoh tersebut hampir keseluruhan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang tersebut akan di uji oleh majikan selain dari kemahiran generik seperti prestasi, sikap dan kemahiran berkomunikasi. Menurut [4] melalui program latihanlah, pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai-nilai peribadi seseorang pekerja itu dapat dipertingkatkan selaras dengan tuntutan perubahan-perubahan yang berlaku dalam bidang kerja mereka.

Walaupun bagaimanapun, adalah penting bagi seseorang pelajar tersebut memilih organisasi atau firma yang merapati bidang yang dipelajari semasa di Politeknik, agar tahap pengetahuan mereka tidak tersasar dari bidang yang sepatutnya. Menurut [5], pemilihan tempat latihan atau firma bagi menempatkan para pelajar sebaiknya mengikut bidang pengkhususan mereka semasa di Politeknik. Keselarasan tempat dengan bidang kursus akan membantu pelajar dapat melaksanakan latihan industri dengan berkesan.

Adalah menjadi amalan kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) mewajibkan pelajar mereka menjalani LI di mana-mana industri yang berkaitan dengan bidang untuk mendedahkan mereka pengalaman bekerja sebelum bergelar graduan. Hal ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar berkenaan dengan kemahiran insaniah sebelum berdepan dengan dunia kerjaya sebenar selain memenuhi keperluan kurikulum setiap kursus terbabit. Namun begitu, jaminan tempat latihan yang bertepatan dengan bidang juga bukanlah ukuran boleh menjamin lahirnya bakal pekerja yang cemerlang jika pelajar sendiri tidak bijak memanfaatkan sepenuhnya peluang yang ada. Hakikatnya, ia akan menjadi sia-sia dan tidak berkesan. Sesetengah kes, terdapat juga segelintir pelajar yang sedang menjalani LI sekadar mendapat pengalaman membuat salinan fotostat dan surat menyurat sahaja dan syarikat melabelkan mereka hanya tenaga murahan yang boleh dipergunakan.

Walaupun bagaimanapun, fenomena ini adalah merupakan contoh masalah yang semakin berkurangan. Hal ini disebabkan oleh sikap pelajar pada masa kini yang kebanyakannya merupakan pelajar yang komited untuk berjaya. Sekiranya mereka menyedari situasi ini berlarutan dari minggu ke minggu, mereka akan cuba melaporkan kepada UPLI. Susulan daripada itu, pihak UPLI akan membuat siasatan dan cuba untuk menyelesaikan masalah pelajar tersebut. Menyedari

hakikat ini, adalah wajar bagi syarikat yang mengambil pelajar sebagai pelatih dalam program LI mengetahui keupayaan dan kebolehan pelajar itu dalam membantu meningkatkan perkembangan syarikat. Hubungan antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) khususnya politeknik dan pihak industri perlulah diperkukuhkan bagi memastikan keperluan kedua-dua pihak di penuhi sebaik mungkin terutama dalam memastikan objektif LI tercapai. Bagi memperkukuhkan lagi kenyataan ini [6] menyatakan bahawa bidang pendidikan yang bersangkutan dengan kemahiran adalah tidak lengkap tanpa diwujudkan jaringan industri bagi kedua-dua pihak iaitu IPT dan pihak industri.

### 3.0 Metodologi

Kajian ini adalah merupakan satu kajian tinjauan bagi menilai tahap kesediaan pelajar semasa menjalani latihan industri. Tinjauan ini hanya tertumpu kepada pelajar Diploma Ukur Tanah Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Sampel kajian hanya tertumpu kepada pelajar yang telah menjalani latihan industri tiga semester terkini iaitu Disember 2013, Jun 2013 dan Disember 2012. Sampel kajian terdiri daripada 109 orang pelajar Diploma Ukur Tanah yang pernah menjalani LI dari pelbagai organisasi seperti Firma Jurukur Berlesen, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Pejabat Tanah dan lain-lain. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set borang soal selidik yang telah digunakan dalam kajian yang lepas [7]. Ianya terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu; Bahagian A: Demografi Responden, Bahagian B: Pengetahuan, Bahagian C: Komunikasi dan Bahagian D: Persepsi dan Sikap. Bahagian A mengumpul maklumat mengenai jantina, bangsa dan tempat menjalani latihan industri. Bahagian B terdiri daripada 5 item mengenai tahap pengetahuan berkaitan tugas dan tanggungjawab pelajar, pendedahan suasana persekitaran, maklumat berkenaan latar belakang dan persekitaran organisasi, penguasaan tentang kemahiran teori dan kesesuaian tempoh menjalani LI. Bahagian C juga mengandungi 5 item yang meliputi tahap kesediaan dalam berkomunikasi semasa menjalani LI dan Bahagian D mendalami tahap persepsi dan sikap pelajar dalam penyelesaian masalah, kemahiran menyesuaikan diri, keyakinan diri, tanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan kemahiran menerima arahan. Bahagian B, C dan D menggunakan skala likert lima mata iaitu, sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), kurang setuju (KS), setuju (S) dan sangat setuju (SS). Untuk mendapatkan hasil analisis, min skor digunakan dan dianalisis menggunakan MS Excell 2007. Selain itu, data ditunjukkan menggunakan jadual yang diperolehi hasil daripada tinjauan yang telah dijalankan. Keterangan dan kesimpulan yang dibuat terhadap populasi secara menyeluruh adalah berdasarkan data yang diperolehi daripada sampel. Jadual 1 menunjukkan interpretasi tahap.

Jadual 1: Interpretasi Tahap Pengetahuan, Komunikasi dan Sikap Responden

Min Skor	Interpretasi Tahap
1.00 - 2.49	Rendah
2.50 - 3.50	Sederhana
3.51 - 5.00	Tinggi

Interpretasi Skor Min [Sanger et al. (2007)]

## 4.0 Rumusan Dapatan

### 4.1 Maklumat Latar Belakang Responden

Seramai 109 responden telah menjawab soal selidik yang terdiri dari 56 orang responden lelaki dan 53 orang responden perempuan. Responden terdiri dari kategori bangsa iaitu Melayu 107 orang, masing-masing seorang berbangsa India dan seorang lain-lain. Berdasarkan kaji selidik yang telah dijalankan, responden juga telah diklasifikasikan mengikut tempat responden menjalani LI. Seramai 15 orang responden telah menjalani LI di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), 67 orang di Syarikat Jurukur Berlesen, 13 orang di Pejabat Tanah dan Daerah dan 14 di lain-lain tempat. Jadual 2 menunjukkan maklumat latar belakang responden

Jadual 2: Maklumat latar belakang responden

Kriteria	n= 109	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	56	51%
Perempuan	53	49%
Bangsa		
Melayu	107	98%
Cina	-	-
India	1	1%
Lain-lain	1	1%
Syarikat		
JUPEM	15	14%
Jurukur Berlesen	67	61%
Pejabat Tanah	13	12%
Lain-lain	14	13%

### 4.2 Tahap Pengetahuan Responden Semasa Menjalani LI

Di dalam analisis ini terdapat lima item yang diambil kira bagi menentukan tahap pengetahuan pelajar semasa menjalani latihan industri. Analisis ini dirumuskan dalam bentuk skor min dan tahap setiap item yang dikaji. Jadual 3 merujuk kepada persoalan kajian, item-item yang dianalisa adalah seperti jadual di bawah

Jadual 3: Tahap Pengetahuan

No Item	Item	STS (1)	TS (2)	KS (3)	S (4)	SS (5)	Skor Min	Tahap
1	Pengetahuan saya berkaitan tugas dan tanggungjawab adalah mencukupi untuk menjalani latihan industri	0%	0%	8%	71%	21%	4.128	Tinggi
2	Saya telah diberi pendedahan mengenai suasana persekitaran dan tempat kerja sebelum latihan industri	0%	0%	9%	71%	20%	4.131	Tinggi
3	Saya mempunyai maklumat berkenaan latar belakang dan persekitaran organisasi secukupnya	0%	0%	10%	69%	21%	4.110	Tinggi
4	Penguasaan saya tentang kemahiran konseptual(teori) dan teknikal adalah memuaskan	0%	0%	15%	70%	15%	4.019	Tinggi
5	Tempoh pembelajaran yang dilalui sebelum menjalani latihan industri adalah bersesuaian	0%	0%	13%	66%	21%	4.074	Tinggi
	Purata Skor Min						4.092	Tinggi

Merujuk kepada Jadual 3 di atas, bagi item 1, skor min adalah bagi kelima-lima item adalah tinggi. Bagi item 1 seramai 77 orang bersetuju dan 9 orang kurang bersetuju bahawa mereka mempunyai tahap pengetahuan berkaitan tugas dan tanggungjawab yang mencukupi semasa menjalani latihan industri. Bagi item 2, seramai 77 orang pelajar bersetuju dan 8 orang kurang bersetuju bahawa mereka telah diberi pendedahan mengenai suasana persekitaran dan tempat kerja sebelum menjalani latihan industri. Tidak ada pelajar yang tidak setuju dan sangat tidak setuju bagi kedua-dua item ini. Namun begitu, merujuk kepada tahap kesediaan pelajar bagi kedua-dua item ini menunjukkan pendekatan yang telah diberikan kepada pelajar oleh pensyarah, penasihat akademik dan juga UPLI dapat membantu pelajar mencapai tahap kesediaan untuk menjalani LI. Bagi item 3, seramai 75 orang pelajar bersetuju, manakala 11 orang kurang bersetuju bahawa mereka mempunyai maklumat berkenaan latar belakang dan persekitaran organisasi yang secukupnya. Item ini juga berada pada tahap kecenderungan tinggi dengan skor min 4.110. Ini membuktikan pelajar telah didedahkan cara untuk mendapatkan maklumat mengenai firma atau organisasi semasa mereka hadir ke taklimat pertama yang dianjurkan oleh Unit perhubungan dan Industri (UPLI) sebelum LI. Bagi item 4, seramai 76 orang bersetuju manakala 15 orang kurang bersetuju dan tiada pelajar yang tidak setuju mengenai tahap penguasaan mereka dalam Tahap Pengetahuan.

### 4.3 Tahap Komunikasi Responden Semasa Menjalani LI

Dalam analisis ini terdapat lima item yang diambil kira bagi menentukan tahap kesediaan dalam berkomunikasi pelajar DUT semasa menjalani LI. Analisis ini dirumuskan dalam bentuk skor min dan tahap kecenderungan bagi setiap item yang dikaji. Jadual 4 merujuk kepada persoalan kajian, item-item yang di analisa adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 4: Tahap komunikasi

No Item	Item	STS (1)	TS (2)	KS (3)	S (4)	SS (5)	Skor Min	Tahap
6	Saya tidak menghadapi kesukaran dalam berhubung dengan majikan dan rakan sekerja	1%	4%	4%	70%	21%	4.064	Tinggi
7	Saya mempunyai kemahiran komunikasi yang baik	0%	0%	13%	63%	24%	4.110	Tinggi
8	Saya sentiasa melibatkan diri dalam perbincangan dan kerja kumpulan	0%	2%	8%	68%	22%	4.120	Tinggi
9	Saya mampu melayan dan menghormati pelanggan luar dalam organisasi	0%	0%	5%	67%	28%	4.220	Tinggi
10	Kemahiran komunikasi saya sesama rakan sekerja atau pelanggan adalah baik terutama dalam bahasa inggeris	0%	7%	17%	65%	11%	3.815	Tinggi
	Purata Skor Min						4.066	Tinggi

Daripada jadual di atas, bagi item 6, seramai 76 orang pelajar bersetuju, manakala 5 orang kurang bersetuju, 4 orang tidak setuju dan seorang sangat tidak bersetuju bahawa mereka tidak menghadapi kesukaran dalam berhubung dengan majikan dan rakan sekerja. Namun begitu, item 6 masih menunjukkan skor min pada tahap tinggi iaitu 4.064. Bagi item 7, 69 orang bersetuju dan 14 orang kurang bersetuju bahawa mereka mempunyai tahap komunikasi yang baik. Ini menunjukkan bahawa di antara pendekatan yang telah digunakan terutama dalam kursus AS101 (Softskill) adalah berkesan bagi pelajar DUT dalam meningkatkan kemahirankomunikasi. Bagi item 8, seramai 74 orang bersetuju manakala 9 orang kurang bersetuju dan seorang tidak bersetuju bahawa mereka sentiasa melibatkan diri dalam perbincangan dan kerja kumpulan semasa LI. Bagi item 9 pula, seramai 73 orang bersetuju dan 6 orang kurang bersetuju bahawa mereka mampu melayan dan menghormati pelanggan luar semasa menjadi pelatih dalam firma

atau organisasi dalam tempoh LI.Namun kedua-dua item ini mempunyai skor pada tahap kecenderungan tinggi dan purata skor min keseluruhan ialah 4.066.

#### 4.4 Tahap Sikap Responden Semasa Menjalani LI

Dalam analisis ini terdapat lima item diambil kira bagi menentukan kecenderungan sikap pelajar semasa menjalani latihan industri.Analisis ini dirumuskan dalam bentuk skor min dan tahap bagi setiap item yang dikaji.Merujuk kepada persoalan ini,item-item yang di analisa adalah seperti Jadual 5 seperti di bawah:

Jadual 5:Tahap sikap

No Item	Item	STS (1)	TS (2)	KS (3)	S (4)	SS (5)	Skor Min	Tahap
11	Saya tidak menghadapi masalah mematuhi dasar,peraturan dan polisi syarikat	1%	0%	5%	57%	37%	4.303	Tinggi
12	Saya mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran dan budaya kerja	0%	1%	9%	62%	28%	4.183	Tinggi
13	Saya mempunyai keyakinan diri yang tinggi	0%	0%	13%	68%	19%	4.074	Tinggi
14	Saya berkebolehan untuk berdikari serta melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik	0%	0%	6%	73%	21%	4.147	Tinggi
15	Kemahiran saya untuk menerima arahan serta melaksanakannya adalah memuaskan	0%	0%	7%	59%	34%	4.266	Tinggi
	Purata Skor Min						4.195	Tinggi

Daripada jadual di atas,terdapat lima item yang dipersoalkan dengan memperolehi purata skor min pada tahap tinggi dengan purata skor min 4.195. Dalam analisis ini didapati tahap kesediaan pelajar semasa menjalani latihan industri pada tahap yang baik dan memuaskan.Ini dibuktikan berdasarkan jadual di atas pada item 11, menunjukkan bahawa pelajar tidak menghadapi masalah mematuhi dasar, peraturan dan polisi syarikat dengan mencatat skor min 4.303 di mana seramai 62 orang pelajar bersetuju dan 41 sangat bersetuju manakala 5 orang kurang bersetuju dan seorang tidak bersetuju.Manakala dapatan kajian tentang menyesuaikan diri dengan persekitaran dan budaya kerja pada item 12 mencatat skor min 4.183.Penyelidik berpendapat dengan adanya pendedahan pelajar semasa berada di politeknik bersama rakan dan mengikuti arahan pensyarah membantu pelajar untuk menyesuaikan semasa berada di syarikat atau firma semasa menjalani LI.Keadaan ini menggambarkan kesediaan yang tinggi di kalangan pelajar dalam menyesuaikan



diri dengan budaya dan persekitaran kerja mereka. Pada item 13, dengan skor min 4.074 menunjukkan bahawa pelajar telah mempunyai keyakinan diri yang tinggi semasa menjalani latihan industri. Dalam dapatan ini seramai 68 orang bersetuju dan seorang tidak setuju bahawa tahap kesediaan dari aspek keyakinan diri dipunyai oleh mereka. Begitu juga bagi sifat berkebolehan untuk berdikari serta melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik yang dipersoal dalam item 14 mencatat skor min 4.147 dengan jumlah pelajar yang bersetuju seramai 79 orang dan kurang bersetuju seramai 7 orang. Pada item yang ke 15 menunjukkan kemahiran pelajar untuk menerima arahan dan melaksanakannya juga adalah tinggi dengan skor min 4.266. Hasil dapatan ini secara tidak langsung menggambarkan pelajar tiada masalah dalam mendepani mematuhi dasar, peraturan dan polisi syarikat. Oleh demikian, berdasarkan dapatan ini mendapati bahawa tahap kesediaan responden dari segi sikap untuk menjalani latihan industri mencatat skor min yang tinggi iaitu 4.038.

## 5.0 Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan Pelajar DUT dari aspek pengetahuan, tahap komunikasi dan sikap berada pada tahap yang tinggi dengan purata min skor 4.092, 4.066 dan 4.195. Walaubagaimanapun, pelajar sepatutnya diberi sokongan dan dorongan agar mereka berusaha untuk mendapatkan maklumat berkaitan organisasi yang menjadi tempat untuk mereka jalani LI. Mereka juga hendaklah memupuk sikap ingin tahu yang tinggi tentang organisasi yang menjadi pilihan mereka. Kemudahan teknologi komunikasi yang sedia ada memudahkan akan memudahkan mereka dalam urusan ini tambahan pula dengan sokongan UPLI yang sentiasa membekalkan maklumat ringkas berkenaan dengan organisasi. Berdasarkan dapatan kajian yang telah diketahui, penambahbaikan terhadap sikap dan kemahiran komunikasi di kalangan pelajar perlu dilakukan terutama kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Penglibatan pelajar dalam mana-mana pembentangan dalam bahasa inggeris di peringkat politeknik akan mewujudkan keberanian dan keyakinan pelajar untuk bercakap dalam Bahasa Inggeris apabila mereka berada dalam suasana alam perkerjaan yang sebenar. Pensyarah juga perlu memainkan peranan dalam memberikan motivasi kepada pelajar supaya boleh mendapatkan maklumat terkini berkaitan organisasi yang menjadi tempat untuk mereka jalani LI. Selain itu, kemahiran komunikasi di kalangan pelajar juga perlu dipertingkatkan untuk melahirkan pelatih yang berkemahiran dan professional. UPLI perlu menekankan kepentingan mencari maklumat, kemahiran komunikasi dan sikap semasa taklimat dianjurkan. Pihak politeknik terutamanya pensyarah 'Softskill' perlu memainkan peranan membimbing pelajar di dalam kursus tersebut supaya mereka lebih bersedia untuk menjalani LI.

## Rujukan

- [1] Garis Panduan Pengurusan Dan Kaedah Penilaian Latihan Industri Politeknik., edisi 2013., Jabatan Pengajian Politeknik, MY, 2013.
- [2] Ahmad Rizal dll., "*Kemahiran Employability Bagi Memenuhi Keperluan Industri,*" Fakulti Pend., Teknikal UTHM., Malaysia, 2008.
- [3] *Industrial Training Guideline Partner*, Bahagian Kecemerlangan Intruksional, Jabatan Pengajian Politeknik, Malaysia,

- [4] Hellriegel, D., Jackson, S.E. dan Slocum, J.W. *Management*. Ohio : South-Western College Publishing.2009.
- [5] Hanirah, “Persepsi Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Terhadap Program Latihan Industri, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn,” M.S.tesis, Jabatan Pendidikan Teknikal Fakulti Teknologi Kejuruteraan Teknik dan Vokasional, KUiTTHO, 2002
- [6] Mohd Rizal Azman Rifin. *Tingkat hubungan industri dengan IPT* [Online]. Available: [http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/TingkaHubunganIndustriDenganIPT//Article/article\\_print](http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/TingkaHubunganIndustriDenganIPT//Article/article_print). (2007).
- [7] Salwuan Abdul Halim dll. “Tahap Kesiapan Pelajar Politeknik Kota Bharu Semasa Menjalani Latihan Industri”. Penyelidikan Pendidikan Kepimpinan pentadbiran. (2010).